



Tiada kenaikan tarif air

Air percuma diteruskan bergantung kemampuan negeri

HIDAYAH HAIROM

SHAH ALAM

Kerajaan negeri memberi jaminan tiada sebarang kenaikan tarif air dan program air percuma masih dapat diteruskan ketika ini meskipun selepas penstrukturan semula air Selangor.

Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata, bagaimanapun perkara berkenaan memerlukan penelitian merangkumi pelbagai aspek untuk sebarang keputusan pada masa akan datang.

"Buat masa sekarang tiada kenaikan dan kita akan kekalkan program air percuma. Namun begitu kita akan bertindak mengikut keadaan kemampuan negeri terutamanya dengan kos yang semakin meningkat.

"Saya bagi contoh, kos air percuma RM180 juta setahun ia meningkat berbanding dulu kita hanya berbelanja RM70 juta lebih pada awal dilaksanakan

tapi ketika ini alhamdulillah kita masih lagi mampu walaupun kita telah menambah seperti program Peduli Sihat, Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)," katanya ditemui pada Majlis Penyerahan Lembu Korban di Kompleks Belia dan Kebudayaan Selangor, di sini, semalam.

Beliau mengulas berhubung



Amirudin (tiga kiri) menerima replika cek daripada Ketua Pegawai Operasi (MBI), Soffan Affendi Aminudin (tiga kanan) pada Majlis Sumbangan Lembu Korban sempena Hari Raya Aidiladha Peringkat Negeri Selangor, semalam.

kenyataan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang mendakwa rakyat di negeri ini perlu membayar lebih 10 kali ganda dari apa yang ditawarkan kerajaan negeri Selangor pada 2013 berikutan pengambilalihan Syarikat Pengeluaran Air Selangor Sdn. Bhd. (Splash) oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) dengan harga RM2.55 bilion.

Mengulas perkara itu, Amirudin berkata, isu kos penstrukturan semula air Selangor itu telah berkali-kali dijawab oleh Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, selaku Menteri Besar Selangor sebelum ini di Dewan Undangan Negeri (Dun) dan kepada Abdul Khalid sendiri.

"Kena faham kronologi dari awal. Abdul Khalid menawarkan harga yang lebih tinggi sebelum 'return' pada saat akhir menawarkan RM250 juta jadi kita mahu membeli dan mengambil alih adalah berdasarkan konsep

'willing seller willing buyer'.

"Maknanya kalau kita tawar harga rendah dan tidak (ada yang) membeli, akhirnya ia akan tertangguh dan penangguhan selama bertahun-tahun ini adalah disebabkan tawaran yang kurang munasabah.

"Kita mengambil berdasarkan daripada penilaian bebas antarabangsa yang dilantik negeri, dan Splash dan akhirnya kita tawarkan harga yang lebih rendah daripada penilaian yang telah dibuat oleh penilai-penilai bebas ini," katanya.

Abdul Khalid menerusi status yang dimuat naik di Facebook mendakwa tidak terkejut dengan keputusan dicapai dalam isu penstrukturan air di Selangor susulan pemeteraian persefahaman tawaran harga berjumlah RM2.55 bilion antara Splash dan Air Selangor.

Abdul Khalid berkata, secara dasarnya pengumuman itu langsung tidak membuat beliau

terperanjat kerana ia juga antara sebab kenapa dirinya diminta meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Selangor pada 2014.

Dengan pemeteraian persefahaman itu katanya, menjadikan rakyat Selangor membayar lebih 10 kali ganda dari apa yang ditawarkan oleh kerajaan negeri pada 2013 dan strategi itu bakal memberi peluang kepada pemilik saham Splash mendapat keuntungan serta pampasan yang berlebihan.

Situasi itu dakwa Abdul Khalid bakal membuatkan rakyat di negeri ini terpaksa menanggung beban dengan kenaikan tarif ini. Malah Abdul Khalid percaya program pemberian air percuma kepada semua isi rumah di seluruh Selangor sejak 2008 yang lalu juga akan dikaji semula ataupun dihentikan.

"Saya doa agar rakyat Selangor tabah menghadapi perubahan yang besar ini," tulisnya.



06 Aug 2018

Sinar Harian, Malaysia

Author: HIDAYAH HAIROM • Section: Selangor & KL • Page: 17
Printed size: 416.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 7,096.00 • Item ID: MY0033376929



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

SUMMARIES

Air percuma diteruskan bergantung kemampuan negeri

Kerajaan negeri memberi jaminan tiada sebarang kenaikan tarif air dan program air percuma masih dapat diteruskan ketika ini meskipun selepas penstrukturan semula air Selangor. Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata, bagaimanapun perkara berkenaan memerlukan penelitian merangkumi pelbagai aspek untuk sebarang keputusan pada masa akan datang. "Buat masa sekarang tiada kenaikan dan kita akan kekalkan program air percuma.